

12 JUN 2000

MALAYSIA ANGGAP ISU CHECHNYA MASALAH DALAMAN RUSIA

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Malaysia sentiasa menganggap isu Chechnya sebagai masalah dalaman Rusia, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata walaupun Kuala Lumpur sentiasa memberikan pandangan ini kepada pucuk pimpinan Rusia, tetapi pada masa yang sama mahu melihat konflik berlarutan ini diselesaikan melalui proses rundingan agar penderitaan Chechen diatasi dengan cara yang baik.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan presiden Chechnya Aslan Maskhadov agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi orang tengah bagi memulakan proses rundingan antara Rusia dan Chechnya.

Dalam temu bual eksklusif dengan Bernama dari tempat persembunyiannya di pergunungan wilayah itu semalam, Maskhadov berkata beliau berbesar hati jika Dr Mahathir yang amat dihormati dapat membawa kedua-dua pihak yang bertelagah untuk memulakan proses rundingan.

"Kita ucapkan terima kasih kepada pemimpin Chechnya kerana keyakinan yang diberi kepada kita dan kita juga tidak akan berhenti untuk menyuarakan di masa yang sama (keperluan) menghormati kedaulatan Rusia," katanya selepas pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Vietnam Nguyen Dy Nien di Wisma Putra, di sini.

Ditanya lebih lanjut mengenai peranan orang tengah ini, Syed Hamid berkata : " Saya fikir buat masa ini tak mahu komen pasal orang tengah kerana kita sentiasa memainkan peranan sampaikan hasrat kita supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan damai tanpa apa-apa kekerasan berlaku dan kematian yang amat banyak.

"Itu pandangan kita pada negara sahabat kita Rusia, dan kita berharap mereka akan mengambil kira (pandangan ini) dan mereka mempunyai kuasa untuk menghentikan keadaan ini daripada berlaku dan berunding terus antara mereka dan pemimpin-pemimpin Chechnya," kata Syed Hamid.

Konflik Chechnya yang bermula sejak 1994 berlarutan sehingga 1996 dan tercetus kembali tujuh bulan lepas yang menyaksikan lebih 26,000 etnik Chechen terbunuh dalam perang yang masih berlarutan.

-- BERNAMA
RV AHH RON